

Pengurusan Pampasan dan Kecederaan Pekerja

Maklumat Penting untuk Majikan



Mengenai WorkCover WA

Workcover WA adalah agensi kerajaan yang bertanggungjawab menyelia sistem pengurusan pampasan dan kecederaan di Australia Barat.

Ini termasuk memantau pematuhan kepada *Akta Pengurusan Pampasan dan Kecederaan Pekerja 1981*, memberitahu dan mendidik pekerja, majikan dan orang lain mengenai pengurusan pampasan dan kecederaan, serta memberikan sistem penyelesaian pertikaian yang bebas.

Penafian

Risalah ini bertujuan untuk memberikan maklumat am sahaja. Anda tidak sepatutnya bertindak atau tidak bertindak atas dasar apa-apa yang terkandung di dalam ini. Anda harus mendapatkan nasihat undang-undang/profesional yang sewajarnya mengenai keadaan khusus anda.

Kandungan

Mengenai WorkCover WA	2
Matlamat pengurusan pampasan dan kecederaan pekerja	4
Kewajipan Undang-undang	4
Takrif pekerja	5
Insurans pampasan pekerja	5
Pengiraan gaji	6
Apa yang perlu dilakukan apabila berlaku kecederaan	7
Tanggungjawab syarikat insurans	7
Apa yang perlu dibayar dan bila	8
Akaun dan invois	9
Pemilihan pengamal perubatan yang merawat	9
Tinjauan perubatan	9
Hak pekerja yang cedera	10
Kewajipan majikan untuk mengekalkan pekerjaan pekerja yang cedera	10
Pengurusan kecederaan	11
Sistem pengurusan kecederaan	12
Program kembali bekerja	12
Hukuman yang dikenakan jika kewajipan tidak dipatuhi ..	13
Apakah pemulihan vokasional?	13
Penyelesaian Pertikaian	14
Maklumat lanjut	14

Risalah ini memberikan anda maklumat asas mengenai sistem pampasan dan proses pengurusan kecederaan pekerja.

Maklumat terperinci mengenai sistem dan proses tersebut boleh didapati di laman web WorkCover WA di www.workcover.wa.gov.au atau dengan menghubungi Khidmat Nasihat di nombor 1300 794 744.

Matlamat pengurusan pampasan dan kecederaan pekerja

Matlamat utama *Workers' Akta Pengurusan Pampasan dan Kecederaan Pekerja 1981* (Akta) adalah untuk memberi pampasan kepada pekerja yang mengalami kecederaan di tempat kerja dan menyokong pengurusan kecederaan bagi membolehkan pekerja yang cedera untuk kembali bekerja.

Kewajipan undang-undang

Di bawah Akta, kewajipan undang-undang anda sebagai majikan termasuk:

- mempunyai perlindungan insurans pampasan pekerja untuk semua pekerja (hukuman dikenakan jika peraturan ini dilakkan)
- memberikan syarikat insurans anda borang tuntutan yang telah dilengkapkan dalam masa tiga hari bekerja
- membuat bayaran mingguan kepada pekerja yang cedera sebaik sahaja tuntutan diterima
- mempunyai sistem pengurusan kecederaan, dan
- membangunkan serta melaksanakan program kembali bekerja jika pengamal perubatan yang merawat menyatakan program itu diperlukan oleh pekerja yang cedera.

Takrif pekerja

Takrif undang-undang untuk 'pekerja' yang mesti dilindungi adalah amat luas. Bahagian 5 Akta menyatakan '...mana-mana orang yang memasuki atau bekerja di bawah kontrak perkhidmatan atau perantisan dengan majikan, sama ada dengan cara buruh kasar, kerja perkeranian, atau selainnya dan sama ada kontrak tersebut bersifat nyata, tersirat, lisan atau bertulis'.

Takrif tersebut termasuk pekerja sepenuh masa dan separuh masa, pekerja yang digaji pada kadar sambilan dan bermusim, perantis dan dalam keadaan yang bersesuaian, subkontraktor. Semua pekerja mesti dilindungi oleh polisi insurans tanpa mengira cara mereka dibayar, sama ada melalui upah, gaji, komisen, upah ikut kerja malah bayaran bukan wang.

Maklumat lanjut tentang liabiliti majikan untuk kontraktor dan subkontraktor ada tersedia di laman web atau Khidmat Nasihat WorkCover WA.

Insurans pampasan pekerja

Insurans pampasan pekerja melindungi majikan dari kos kewangan apabila pekerja mengalami kecederaan atau penyakit yang berkaitan dengan kerja. Insurans ini melindungi pekerja yang cedera dengan memberikan bayaran mingguan untuk menampung kehilangan keupayaan mencari nafkah, bayaran untuk belanja perubatan dan pemulihan yang munasabah, dan hak yang lain.

Insurans pampasan pekerja adalah diwajibkan dan anda, sebagai majikan, perlu mengambil polisi dengan syarikat insurans yang diluluskan untuk melindungi semua pekerja yang bekerja dengan anda. Senarai syarikat insurans yang diluluskan boleh didapati dari laman web atau Khidmat Nasihat WorkCover WA.

Mana-mana pekerja yang mengalami kecederaan atau penyakit yang berkaitan dengan pekerjaan dan perlu mendapatkan rawatan perubatan dan/atau tidak boleh bekerja disebabkan oleh kecederaan berhak untuk menuntut pampasan pekerja.

Apabila mengambil polisi insurans pampasan pekerja, anda akan diperlukan untuk melengkapkan pengisytiharan gaji, yang digunakan oleh syarikat insurans untuk mengira premium insurans anda.

Pengiraan gaji

Apabila melengkapkan pengisytiharan gaji, adalah penting untuk mengira kos gaji anda dengan tepat, kerana ini akan menjejaskan premium insurans anda.

Untuk tujuan ini, istilah 'gaji' bermaksud semua upah, gaji, ganjaran, komisen, bonus, upah lebih masa, elaun dan yang sepertinya, yuran pengarah, caruman persaraan (kecuali yang dibuat melalui kuat kuasa undang-undang), faedah sampingan dan semua faedah lain yang dibayar (sama ada dibayar secara tunai atau faedah bukan tunai seperti kenderaan, peralatan, bayaran gadai janji, perjalanan, yuran sekolah dsb.) kepada atau berkaitan dengan pekerja (termasuk pengarah bekerja yang diisytiharkan kepada kami) atau kepada kontraktor, sebelum potongan cukai.

'Gaji' tidak termasuk bayaran pemberhentian, bayaran persaraan, bayaran pemberhentian kerja sebagai ganti notis, pencen, golden handshake (bayaran pemberhentian istimewa), atau bayaran mingguan pampasan pekerja.

Caruman persaraan yang dibuat sebagai sebahagian daripada Jaminan Persaraan (9% daripada pendapatan pada masa ini) seharusnya tidak dimasukkan dalam pengiraan 'gaji'. Sebarang caruman persaraan lain yang dibuat bagi pihak pekerja bagaimanapun, dikelaskan sebagai 'gaji'.

Apa yang perlu dilakukan apabila berlaku kecederaan

Berikan pertolongan cemas dan laporkan kecederaan dalam sistem laporan kecederaan

Galakkan pekerja untuk berjumpa doktor pilihannya secepat mungkin dan dapatkan surat akuan doktor yang dikenali sebagai Workers' Compensation First Medical Certificate (Sijil Perubatan Pertama Pampasan Pekerja). Berikan borang tuntutan pampasan pekerja kepada pekerja.

Apabila pekerja memberikan kepada anda Sijil Perubatan Pertama dan borang tuntutan mereka, lengkapkan bahagian majikan dan hantarkan borang tuntutan bersama sijil perubatan kepada syarikat insurans anda dalam masa **3 hari bekerja**.

Syarikat insurans mempunyai masa 14 hari untuk menilai tuntutan dan boleh:

Menerima tuntutan

Hak pampasan pekerja bermula

Mempertikaikan tuntutan

Tiada hak diberikan - anda boleh mempertikaikan keputusan ini

Tangguhkan tuntutan

Tiada hak diberikan - syarikat insurans memerlukan masa yang lebih lama untuk membuat keputusan

Tanggungjawab Syarikat insurans

Bukan anda yang membuat keputusan untuk menerima liabiliti bagi tuntutan. Syarikat insurans anda mesti menilai tuntutan tersebut dan menasihati anda serta pekerja yang cedera, secara bertulis dalam masa 14 hari selepas menerima tuntutan tersebut, sama ada tuntutan diterima atau dipertikaikan, atau jika mereka memerlukan lebih banyak masa untuk membuat keputusan.

Jika syarikat insurans gagal membalas dalam masa 14 hari dari tarikh anda membuat tuntutan, pekerja tersebut berhak mendapat bayaran pampasan mingguan. Ini ditentukan oleh Direktorat Penyelesaian Pertikaian (DRD) WorkCover WA. Syarikat insurans mesti menanggung rugi anda untuk bayaran ini dan mereka juga boleh dikenakan denda sebanyak \$1,000.

Jika, 17 hari selepas pekerja mengemukakan tuntutan, pekerja tersebut masih belum menerima pemberitahuan atau bayaran mingguan yang pertama, maka perkara tersebut dianggap sebagai dipertikaikan dan pekerja boleh membawa perkara tersebut kepada DRD untuk diputuskan. Dalam keadaan begini juga, Pengarah DRD boleh mengarahkan majikan membuat permohonan untuk penimbang tara bagi menentukan liabiliti.

Apa yang perlu dibayar dan bila

Ketika tuntutan sedang dinilai, anda boleh mempertimbangkan untuk membayar cuti terakru kepada pekerja anda yang cedera (seperti, cuti tahunan atau sakit).

Anda patut bertanya dahulu kepada pekerja yang cedera, menjelaskan kepadanya yang bayaran ini bukannya pampasan pekerja dan bahawa bayaran cuti terakru atau cuti sakit adalah pilihan sukarela sehingga keputusan berkenaan liabiliti dibuat. Jika tuntutan diluluskan, dan bayaran daripada hak cuti sakit terakru telah dibuat, hak ini mestilah dibayar balik kepada majikan oleh syarikat insurans dan dikreditkan semula kepada pekerja.

Apabila syarikat insurans anda memberikan kelulusan, anda harus mula membuat bayaran pampasan pekerja tanpa kelewatan, setelah berunding dengan syarikat insurans mengenai jumlah bayaran. Sebaik sahaja bayaran bermula, anda dikehendaki untuk membayar pekerja dengan cara yang biasa dan pada hari gaji biasa mereka, kecuali jika diberitahu oleh syarikat insurans untuk memberhentikan bayaran.

Jika anda rasa yang anda mungkin tidak dapat membayar bayaran mingguan pekerja yang cedera dengan cara ini, anda harus menghubungi syarikat insurans secepat mungkin untuk membincangkan pilihan yang tersedia. Jika anda tidak dapat menyelesaikan isu ini dengan syarikat insurans, sila hubungi Khidmat Nasihat WorkCover WA di nombor 1300 794 744.

Akaun dan inois

Hantarkan semua akaun dan inois berkaitan dengan rawatan perubatan dan hak lain yang diluluskan kepada syarikat insurans anda secepat mungkin.

Pemilihan pengamal perubatan yang merawat

Pekerja berhak pergi ke pengamal perubatan pilihan mereka untuk rawatan dan pengurusan kecederaan yang berkaitan dengan pekerjaan mereka.

Tinjauan perubatan

Sebagai majikan, anda berhak mengatur tinjauan perubatan melalui syarikat insurans anda sebelum atau selepas tuntutan diterima. Pekerja yang cedera dikehendaki untuk menghadiri janji temu untuk pemeriksaan perubatan ini. Jika mereka tidak hadir, bayaran pampasan boleh digantung, dan di dalam keadaan tertentu, hak mereka untuk menuntut pampasan pekerja mungkin dihentikan.

Pekerja tidak boleh dikehendaki menghadiri tinjauan perubatan:

- lebih kerap daripada sekali setiap dua minggu
- pada bila-bila masa selain waktu yang munasabah
- dengan lebih daripada tiga pengamal perubatan yang pakar dalam bidang perubatan yang sama.

Hak pekerja yang cedera

Pekerja yang tuntutannya telah diterima oleh syarikat insurans mungkin layak untuk menerima hak yang berikut:

- Pampasan untuk kehilangan keupayaan mencari nafkah, terhad kepada jumlah maksimum (pada masa ini, dua kali pendapatan mingguan purata Biro Statistik Australia untuk orang dewasa dalam WA) seminggu, dan jumlah hak maksimum untuk tempoh tuntutan, dikenali sebagai *Prescribed Amount* (Jumlah Ditetapkan).
- Perbelanjaan perubatan dan perbelanjaan lain yang munasabah (dikira pada kadar 30 peratus daripada Jumlah Ditetapkan).
- Perbelanjaan pemulihan vokasional yang munasabah (dikira pada kadar tujuh peratus daripada Jumlah Ditetapkan).
- Perbelanjaan penginapan dan perjalanan yang munasabah.
- Penyelesaian jumlah pukal dalam keadaan tertentu.

Jika pekerja menggunakan semua Jumlah Ditetapkan mereka atau hak perbelanjaan perubatan mereka, jumlah tambahan boleh diluluskan mengikut garis panduan tertentu.

Note: Jumlah Ditetapkan dan bayaran mingguan diindeks pada 1 Julai setiap tahun dan jumlah semasa boleh didapati dari laman web atau Khidmat Nasihat WorkCover WA.

Kewajipan majikan untuk mengekalkan pekerjaan pekerja yang cedera

Jika pekerja mencapai keupayaan separa atau penuh untuk bekerja dalam masa 12 bulan dari hari beliau berhak menerima bayaran pampasan mingguan, anda mesti mengekalkan jawatan yang dipegang oleh pekerja serta-merta sebelum hari tersebut, selagi munasabah dan praktikal untuk berbuat demikian.

Jika pekerjaan tersebut tidak tersedia, atau pekerja tidak lagi mampu melaksanakan pekerjaan tersebut, anda mesti menyediakan jawatan yang serupa, yang pekerja mempunyai kelayakan dan kemampuan untuk melakukannya, dengan status dan gaji yang setanding.

Jika anda ingin memberhentikan pekerja dalam tempoh 12 bulan yang tersebut di atas, anda mesti memberikan pekerja dan WorkCover WA notis 28 hari secara bertulis tentang niat anda itu.

Pengurusan kecederaan

Pengurusan Kecederaan ditakrifkan dalam Akta sebagai 'pengurusan kecederaan pekerja yang diarahkan untuk membolehkan pekerja kembali bekerja'. Adalah menjadi tanggungjawab majikan dan pekerja yang cedera untuk bekerjasama dalam proses ini, jika disokong secara perubatan.

Undang-undang mewajibkan syarikat supaya mewujudkan sistem pengurusan kecederaan.

WorkCover WA telah menerbitkan *Kod Tataamalan (Pengurusan Kecederaan) 2005 (Kod)* yang menerangkan tanggungjawab anda di sisi undang-undang berkaitan pengurusan kecederaan.

Nota Panduan untuk Kod Tataamalan (Pengurusan Kecederaan) 2005 juga telah diterbitkan untuk memberikan bantuan praktikal. Penerbitan ini merangkumi maklumat tentang cara menubuhkan sistem pengurusan kecederaan dan program kembali bekerja, dengan templat sedia guna, dan boleh didapati dari laman web atau Khidmat Nasihat WorkCover WA.

Sistem pengurusan kecederaan

Kod mewajibkan anda untuk mempunyai penerangan bertulis tentang sistem pengurusan kecederaan. Ini harus merangkumi langkah yang perlu diambil apabila berlaku kecederaan dan butiran hubungan untuk orang yang bertanggungjawab atas sistem pengurusan kecederaan.

Anda mesti menyediakan untuk pekerja anda salinan dokumen menerangkan sistem pengurusan kecederaan anda jika diminta oleh mereka.

Program kembali bekerja

Anda dikehendaki menubuhkan program kembali bekerja untuk pekerja yang cedera jika pengamal perubatan yang merawat memaklumkan anda secara bertulis yang program kembali bekerja harus ditubuhkan atau pekerja yang cedera itu:

- sihat sebahagiannya untuk kembali bekerja dalam pekerjaan biasa mereka
- atau, sihat sepenuhnya atau sebahagiannya untuk kembali bekerja dalam pekerjaan alternatif.

Ini perlu dilakukan dengan persetujuan pekerja, secara bertulis dan mematuhi Kod.

Anda harus berbincang dengan pengamal perubatan yang merawat secepat mungkin selepas menerima borang tuntutan, bagi membincangkan aturan kembali bekerja. Adalah penting untuk anda berkomunikasi dengan pengamal perubatan yang merawat pada peringkat awal proses tuntutan, namun, ini harus diasingkan dari janji temu peribadi pekerja tersebut.

Program kembali bekerja harus merangkumi yang berikut:

- nama anda dan nama pekerja yang cedera
- penerangan matlamat program kembali bekerja
- tindakan yang perlu diambil dan siapa yang perlu melakukannya
- kenyataan sama ada pekerja bersetuju atau tidak dengan program tersebut.

Sebarang perubahan yang perlu dilakukan pada program kembali bekerja hasil daripada nasihat doktor yang merawat pekerja mestilah dibuat dengan persetujuan pekerja dan secara bertulis.

Anda perlu memberi kepada kedua-duanya, pekerja dan doktor yang merawat mereka, salinan program kembali bekerja dan sebarang perubahan yang dibuat ke atas program.

Hukuman yang dikenakan jika kewajipan tidak dipatuhi

Syarikat insurans diwajibkan membantu majikan mematuhi kewajipan pengurusan kecederaan mereka atau, jika diminta, melaksanakan kewajipan majikan dalam menubuhkan program kembali bekerja untuk seseorang pekerja.

Apakah pemulihan vokasional?

Pemulihan Vokasional adalah perkhidmatan khusus yang tersedia untuk membantu pekerja yang cedera kekal bekerja atau kembali bekerja dalam pekerjaan yang bersesuaian. WorkCover WA meluluskan syarikat penyedia pemulihan vokasional. Untuk mendapatkan senarai Penyedia yang diluluskan sila hubungi Khidmat Nasihat WorkCover WA atau lawati laman web kami.

Sila Ambil Perhatian: Pekerja yang cedera berhak untuk memilih penyedia pemulihan vokasional dan bayaran untuk perkhidmatan mereka adalah menjadi sebahagian daripada hak pekerja yang cedera.

Penyelesaian pertikaian

Jika pertikaian berlaku yang anda atau syarikat insurans anda tidak dapat selesaikan, perkara tersebut boleh di rujuk kepada Direktorat Penyelesaian Pertikaian. Direktorat Penyelesaian Pertikaian menyediakan sistem yang adil dan efektif kos untuk menyelesaikan pertikaian tentang pampasan pekerja atau isu pengurusan kecederaan.

Maklumat Lanjut

Maklumat dalam risalah ini bertujuan sebagai pengenalan ringkas kepada *Akta Pengurusan Pampasan dan Kecederaan Pekerja 1981*.

Perkhidmatan maklumat dan penerbitan tambahan boleh didapati melalui telefon atau secara peribadi dari:

WorkCover WA
2 Bedbrook Place
Shenton Park 6008

Khidmat Nasihat : 1300 794 744
TTY (cacat pendengaran): (08) 9388 5537
Faksimile: (08) 9388 5550
Laman web: www.workcover.wa.gov.au
E-mel: postmaster@workcover.wa.gov.au

Khidmat Nasihat adalah perkhidmatan maklumat melalui telefon yang menyediakan maklumat am mengenai pengurusan pampasan dan kecederaan pekerja.

Maklumat juga tersedia dalam format alternatif untuk orang kurang upaya, termasuk gelung audio tersedia dengan notis 48 jam untuk mereka yang cacat pendengaran.

Perkhidmatan jurubahasa yang dibayar oleh WorkCover WA boleh didapati dengan memberi notis terlebih dahulu.

Direktorat Penyelesaian Pertikaian menimbang tara mengenai perkara yang dipertikaikan di antara pihak yang berkenaan.

Seminar maklumat untuk majikan diadakan dari semasa ke semasa secara percuma. Maklumat lanjut tersedia pada Kalendar Peristiwa di www.workcover.wa.gov.au atau melalui Khidmat Nasihat di nombor 1300 794 744.



2 Bedbrook Place
Shenton Park
Western Australia 6008
www.workcover.wa.gov.au
wa.gov.au

telefon 08 9388 5555
faksimile 08 9388 5550
khidmat nasihat 1300 794 744
TTY 08 9388 5537
e-mel postmaster@workcover.wa.gov.au